

Penerbit USM bolot tiga anugerah MAPIM 2011

● YONG CHEE CHOONG | BERITA HARIAN

KUALA LUMPUR: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM) menang tiga daripada enam anugerah yang dipertandingkan pada Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2011 anjuran MAPIM dengan kerjasama Jabatan Pengajian Tinggi.

USM merangkul Anugerah Buku Terbaik Kemanusiaan dan Sains Sosial menerusi *Pentaabdiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan 1881-1941* karya Dr Nik Haslinda Nik Hussain manakala Editor Naskhah Terbaik Kemanusiaan dan Sains Sosial serta Editor Naskhah Terbaik Sains, Teknologi dan Perubatan dibolot Pegawai Penerbitan, Penerbit USM, Rosziana Radli.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) muncul pemenang Anugerah Buku Terbaik Sains, Teknologi dan Perubatan karya Dr Latifah Abd Manaf, Anugerah Makalah Jurnal Kemanusiaan dan Sains Sosial (Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menerusi Prof Dr Nik Hashim Nik Mustapha dan Anugerah Makalah Jurnal Sains, Teknologi dan Perubatan pula diberikan kepada Penerbit Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi dinobatkan se-



MOHAMED Khaled diiringi Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, **Profesor Datuk Dr Rujhan Mustafa** (empat dari kanan) dan **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Sains Malaysia, Profesor Dr Asma Ismail** (empat dari kiri) bersama penerima anugerah MAPIM 2011 di Kuala Lumpur, semalam.

bagai penerima Anugerah Sanjungan 2011 iaitu anugerah khas kepada tokoh yang banyak berjasa dan memberi sumbangan besar dalam penerbitan buku ilmiah.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata 570 judul naskhah ilmiah di-

terbitkan pada 2011 iaitu meningkat daripada 501 pada 2010 dan daripada jumlah itu, 70 peratus adalah buku yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, sekali gus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi.

"Anugerah seumpama itu pen-

ting kerana penerbitan ilmiah adalah pemangkin utama kepada pengukuhan tradisi ilmu dan perkembangan bahasa Melayu di mata dunia," katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian MAPIM yang berlangsung di sini, semalam.